

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)

AKHBAR : KOSMO
TARIKH / HARI : 24 NOVEMBER 2016 (KHAMIS)

Kosmo 24/11

Didik pelajar jadi pejuang alam sekitar

SYARIKAT pengeluar makanan dan minuman terkemuka, Fraser & Neave Holdings Bhd. (F&NHB) dan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) bekerjasama menganjurkan Kempen Kitar Semula Peringkat Sekolah.

Kempen kali kesepuluh itu bertujuan untuk mendidik dan memberi kesedaran tentang pentingnya kitar semula dan pemuliharaan alam sekitar kepada pelajar sekolah.

Program ini juga menggalakkan pemuliharaan alam sekitar dan menyemaikan falsafah 5R iaitu *Reduce* (Kurangkan), *Reuse* (Guna Semula), *Recycle* (Kitar Semula), *Rethink* (Fikir Semula) dan *Recreate* (Cipta Semula).

Pengurus Hal Ehwal Korporat F&NHB, Cariessa Goh memuji sekolah-sekolah yang terlibat kerana berusaha gigih dalam pertandingan kitar semula tahun ini.

Katanya, pihaknya amat bangga dengan kejayaan kempen tersebut

yang telah berjaya mengumpul bahan kitar semula melebihi satu juta kilogram (kg) sejak sedekad diadakan.

"Jumlah kutipan pada tahun ini juga meningkat kepada 121,321.2kg. Usaha gigih anak-anak muda ini, membanggakan kami.

"Menerusi kempen ini, kami berharap untuk memainkan peranan penting dalam usaha membentuk kanak-kanak menjadi pejuang alam sekitar pada masa hadapan," katanya semasa berucap menyampaikan hadiah di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Kempen lima bulan yang berakhir pada 21 September lalu itu telah disertai oleh 36 sekolah, terdiri daripada lima tadika, 16 sekolah rendah dan 15 sekolah menengah.

Sekolah yang mengumpul paling banyak bahan kitar semula seperti tin aluminium, botol plastik, kertas dan bahan pembungkusan Tetra Pak bakal mendapat ganjaran lumayan.

Menurut guru Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bukit Jelutong, Bukit Jelutong, Selangor, Azka Zihni Mohammad Azhar, aktiviti kitar semula adalah program utama di sekolahnya.

Katanya, program tersebut amat baik kerana dapat menggalakkan para pelajar mengitar semula barang-barang.

"Kami juga menggalakkan penglibatan masyarakat setempat dan kami pergi dari rumah ke rumah untuk mengutip bahan-bahan kitar semula.

"Sambutannya sungguh memberangsangkan dan ada juga penduduk yang menghubungi kami untuk mengambil bahan kitar semula," katanya.



CARIESSA (belakang, tiga dari kanan) menyampaikan replika cek kepada pihak SMK Seksyen 16 yang berjaya memenangi tempat pertama dalam Laman Kitar Semula kategori Sekolah Menengah di Kuala Lumpur baru-baru ini.